

Persatuan Alumni UMS Anjur Program 'Bags of Love' di Hospital Likas

VB 25.5.2019 A10

KOTA KINABALU: Persatuan Alumni Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (PALM-FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Jumaat telah menganjurkan program kemasyarakatan di Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah (HWKKS) yang bertemakan 'Bags of Love'.

Program sehari itu merupakan program pertama yang julung kalinya diadakan dan disertai oleh Persatuan Pelajar Kejururawatan (NUSA), Persatuan Pelajar Perubatan (MEDSTAS) UMS serta Bags of Love Malaysia bersempena dengan sambutan Hari Raya dan Kaamatan pada bulan ini.

Bags of Love Malaysia merupakan suatu gandingan rakan serta keluarga yang bertujuan menunjukkan keprihatinan terhadap masyarakat yang kurang



PARA alumni FPSK UMS bersama pelajar perubatan dan kejururawatan sedang memulakan pengagihan Love Bags di Wad Kanak-kanak, Hospital Likas.

bernasib baik dan miskin.

Ia ditubuhkan pada tahun 2008 dan mereka sentiasa aktif untuk menabur bakti kepada masyarakat yang sentiasa memerlukan sokongan di seluruh Malaysia.

Program tersebut dirasmikan oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni FPSK UMS Dr Yeap

Boon Tat.

Beliau menyatakan bahawa program ini telah mencatatkan sejarah di FPSK di mana alumni yang terdiri daripada graduan doktor, jururawat dan juruteknologi makmal perubatan (JTMP) berserta pelajar-pelajar FPSK UMS berupaya menganjurkan aktiviti kemasyarakatan yang

bersahsiah tinggi di peringkat negeri ini.

"Tahun ini, UMS merayakan ulang tahun Jubli Perak sempena penubuhan yang ke-25. Oleh itu, UMS dan FPSK ingin menunjukkan kepada rakyat negeri Sabah sebagai universiti yang berpaksikan masyarakat.

"Kita bertekad untuk

sentiasa cemerlang di dalam bidang perubatan dan membawa kemudahan perubatan kepada masyarakat setempat.

"Sebagaimana kita yang sedia maklum, Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) akan siap pada Januari 2021. Oleh itu, kita ingin menguar-uarkan kepada orang ramai tentang kewujudan FPSK dan HUMS di Sabah," ujar Dr Yeap yang merupakan graduan perubatan pertama FPSK UMS pada tahun 2003-2008.

Antara aktiviti yang berlangsung termasuklah penyampaian beg yang berisi barangan keperluan Hari Raya dan Kaamatan kepada pesakit-pesakit kanak-kanak di HWKKS oleh Presiden Bags of Love Malaysia, Nur Davina Skymmar bersama para alumni dan pelajar FPSK.